

Praktis 4 Cerpen – Menuai Emas

POWER REVISI

Sinopsis

- Ringkasan cerita yang memberikan gambaran umum tentang sesuatu karya.
- Dapat menarik pembaca untuk membaca keseluruhan cerita.

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sayup mata memandang. Tenang hati Alif ketika menyelurahi petak emas di hadapannya. Suara abah acap kedengaran di cuping telinga. Wajah tenang abah serasa-rasa mesra di penjuru mata. Ya abah, tidak lama lagi kita akan **menuai** emas, hatinya berbisik.

Kesyukuran terjarum **menusuk** hati. Ini ganjaran daripada sebuah kesabaran. Ini **imbuhan** daripada sebuah keredaan. Datang pula suara emak melantun-lantun di telinga. Terima kasih yang tidak **terkimah**, emak, kerana selalu mendidik anakmu ini akan makna syukur, sabar, dan reda.

Alif tersentak ketika gegendangnya **ditujah** bunyi hon singkat tetapi keras. Sebuah motosikal hampir melanggarnya. Dia berundur selangkah seraya mengelopak senyuman apabila *bersabung pandang* dengan penunggang motosikal.

"Hah, anak muda! Awal-awal pagi lagi sudah di petak bendang?"

Nada Tuk Ketua tegas tetapi sebagaimana biasa berbaur kemesraan yang hangat dalam suara yang seperti sengaja dikeraskan itu.

"Alhamdulillah, elok awal-awal, tuk."

Alif membalas sambil merenung wajah orang penting di kampung itu yang berbaju Melayu, berkain pelekak dan berkopiah putih. Barangkali Tuk ketua dari masjid selepas berjemaah subuh. Hari limun benar. Pagi masih berasap embun.

Kamus Kata

- **sayup** – sejauh yang dapat dipandang
- **menuai** – memotong padi dengan tuai
- **menusuk** – meresap ke dalam
- **imbuhan** – bayaran
- **terkimah** – terilai
- **ditujah** – ditusuk

(Dipetik daripada cerpen 'Menuai Emas', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Mengapakah Alif berasa syukur?
 - A Usaha ibunya mula berhasil
 - B Sawahnya mula menguning
 - C Tuk Ketua menyokong usahanya
 - D Impian arwah ayahnya tercapai

Ini ganjaran daripada sebuah kesabaran. Ini imbuhan daripada sebuah keredaan.

2. Apakah gaya bahasa yang terdapat dalam petikan di atas?
 - A Simile
 - B Epifora
 - C Sinkope
 - D Anafora

3. Apakah maksud frasa *bersabung pandang*?
 - A Memantau
 - B Memerhatikan
 - C Saling melihat
 - D Berlawan tenaga

4. Apakah perwatakan utama Alif berpandukan petikan di atas?
 - A Tabah
 - B Berani
 - C Berbudi bahasa
 - D Bertanggungjawab

5. Latar tempat yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut ialah
 - A masjid.
 - B tepi sawah.
 - C anjung rumah.
 - D halaman masjid.